

Memori **KORPORAT**

UITM DALAM SEJARAH

MAJLIS INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM)

Bagi menyelaras dan mengendalikan pentadbiran ITM supaya seajar dengan matlamatnya maka Majlis ITM telah ditubuhkan pada tahun 1976 menggantikan ‘Governing Council’. Ianya terkandung di dalam Akta 173 – Akta Institut Teknologi MARA 1976. Seramai 13 orang dilantik untuk menganggotai Majlis ini dan pelantikan mereka adalah tertakluk kepada Akta 173 tersebut.

Sesebuah Majlis terdiri dari seorang pengurus yang dilantik oleh Menteri, Pengarah ITM, Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya, Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya dan lima orang yang dilantik oleh Menteri di mana tidak lebih daripada dua orang hendaklah pegawai awam manakala Pendaftar ITM menjadi Setiausaha Majlis.

Majlis ini bertindak sebagai Badan Eksekutif Institut yang menjalankan segala aktiviti dan melakukan segala perkara yang perlu serta berfaedah dalam mengelola, megawal dan mentadbir Institut. Di antara tugas Majlis ITM adalah seperti menetapkan dasar Institut, melantik Pendaftar, Bendahari dan juga melihat perkembangan serta kemajuan pelajar sama ada di kampus induk ataupun kampus cawangan.

Di dalam Majlis ini terdapat beberapa Jawatankuasa Kecil Majlis iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan, Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik dan Jawatankuasa mengendalikan Pusat Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan. Kesemua jawatankuasa ini berfungsi untuk melaksanakan dan menjayakan tugas-tugas Majlis.

Bagi membantu dan memastikan tugas-tugas Majlis ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan, maka terdapat satu unit dikenali sebagai Urusetia Majlis. Unit ini terletak di bawah pentadbiran Pejabat Pendaftar dan terlibat di dalam mengendalikan segala hal ehwal serta keperluan ahli-ahli Majlis.



AHLI MAJLIS ITM TAHUN 1986



AHLI MAJLIS ITM TAHUN 1994



AHLI MAJLIS ITM TAHUN 1996

Sumber : *ITM Warisan Bangsa*